

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

BAT 312/3 : BIOLOGI AIR-TAWAR & LAUT

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

(BAT 312/3)

1. Organisma yang hidup di lapisan sempadan menghadapi masalah yang tertentu. Huraikan masalah-masalah ini dan bagaimana ianya dihadapi.

(20 markah)

2. Kenapakah zon pantai merupakan zon yang paling produktif dalam ekosistem akuatik?

(20 markah)

3. Bincangkan ciri-ciri rantai makanan yang terdapat pada ekosistem akuatik. Berikan contoh-contoh yang spesifik dalam jawapan anda.

(20 markah)

4. Bezakan sistem lotik dan lentik. Sebuah empangan telah dibina pada hulu Sungai Perak. Bincangkan perubahan-perubahan yang akan berlaku, dari perspektif ekologi, pada ekosistem akuatik 20 km. di hilir (down stream) empangan tersebut.

(20 markah)

(BAT 312/3)

5. Pertumpahan minyak telah berlaku dengan banyaknya di Laut Parsi semasa Perang Teluk. Bincangkan impak tumpahan minyak ini terhadap ekosistem marin di tempat tersebut.

(20 markah)

6. Sistem-sistem akuatik merupakan sistem yang terbuka, bersambung dan mempunyai tiga dimensi. Bagaimanakah organisma terumbu karang menggunakan ciri-ciri ini untuk hidup di kawasan marin?

(20 markah)

-0000000-

